



PENCAK SILAT: Nurul Shafiqah Mohd Saiful (*kiri*) menentang Tran Thi Them dari Vietnam dalam pusingan separuh akhir acara tanding puteri kelas B di Sukan Asia di Jakarta. – Foto BH oleh KEVIN LIM

Shafiqah cipta sejarah rangkul pingat pertama silat di Sukan Asia

JAKARTA: Meskipun ditewaskan 4-1 oleh Tran Thi Them dari Vietnam dalam pusingan separuh akhir acara tanding puteri kelas B di Sukan Asia semalam, Nurul Shafiqah Mohd Saiful masih dapat tersenyum dalam tangisan.

Anak muda berusia 24 tahun itu berjaya memenangi pingat gangsa, sekali gus pingat pertama Singapura bagi sukan silat di Sukan Asia.

Ini merupakan kali pertama silat disertakan dalam pentas Sukan Asia.

Meskipun kecederaan lama yang dialami pada lutut kanannya bertambah teruk menyusuli pusingan suku akhir kelmarin, Nurul Shafiqah sebenarnya mengharapkan menang dalam pusingan separuh akhir, lapor akhbar *The Straits Times*.

"Saya rasa saya boleh melakukan lebih baik tapi itulah yang terbaik daripada saya (dengan kecederaan yang saya alami).

"Saya sepatutnya lakukan pada pusingan pertama perlawanan apa yang saya lakukan pada pusingan kedua dan ketiga," ujarnya.

Nurul Shafiqah menahan diri semasa pusingan pertama kerana takut kecederaannya bertambah teruk.

Namun, pusingan kedua dan ketiga perlawanan itu ditanding dengan lebih sengit.

Selepas berjaya menjatuhkan lawannya buat kali pertama, Nurul Shafiqah sedar beliau harus memberi segalanya.

Beliau akan mula mempersiapkan diri dan berlatih bagi Kejuaraan Dunia Disember ini.

Namun yang pasti, beliau telah mempelajari sesuatu yang penting daripada pengalamannya di Sukan Asia, iaitu:

"Rasa takut itu tidak wujud."